**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK**
**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,**
**Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)**
Tingkat 4, Bangunan Seri Kinta
Jalan Sultan Idris Shah
30000 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

*Telefon* : *05-254 2744,*
: *05-253 4749,*
: *05-253 8472*
*No. Faks* : *05-255 8595*
*E-mel* : *perak@doe.gov.my*
*Laman Web*: *www.doe.gov.my*

No. Ruj: AS/A 11/123/000/215
Jld. 4 ( )
Tarikh: 16 Jun 2022

Pengarah Ursan
Liput Raya Sdn. Bhd.
Suite 30, 3A Floor
101 Business Park
**47100 Puchong**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tuan,

**CADANGAN PEMBANGUNAN LADANG HUTAN SELUAS 400 HEKTAR (988.42 EKAR) DI SEBAHAGIAN KOMPARTMENT 78 & 79 HUTAN SIMPAN BUKIT SLIM, MUKIM SLIM, DAERAH MUALLIM, PERAK DARUL RIDZUAN.**

Saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini telah menerima laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi cadangan projek tersebut di atas melalui Jururunding EIA, Wiranda (M) Sdn. Bhd. melalui surat rujukan WSB/EMP/LIPUTRAYA/31012022 bertarikh 31 Januari 2022 yang diterima Jabatan ini pada 3 Februari 2022 dan maklumat tambahan yang diterima pada 28 April 2022 dengan nombor rujukan WSB/EMP/LIPUTRAYA/28042022.

3. Setelah meneliti laporan EMP yang dikemukakan, Jabatan ini mengambil maklum dengan langkah-langkah kawalan pencemaran yang dicadangkan oleh pihak tuan. Walaubagaimanapun, langkah-langkah kawalan tambahan hendaklah dicadangkan dan diambil tindakan oleh pihak tuan dalam menangani masalah pencemaran yang wujud.

4. Jabatan ini juga ingin menarik perhatian tuan supaya sentiasa mengemaskini EMP yang disediakan ini bagi setiap langkah-langkah kawalan tambahan yang dicadangkan dan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk ulasan dan persetujuan.

/2..

No. Ruj: AS/A 11/123/000/215
Jld. 4 (  )
Tarikh: 16 Jun 2022

5. Laporan dan kelulusan ini hendaklah **sentiasa ada di dalam premis** supaya boleh diakses dan menjadi rujukan serta panduan dalam kerja-kerja mitigasi yang perlu dijalankan.

6. **Satu salinan EMP** dalam bentuk cakera padat perlu dikemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada surat kelulusan ini dikeluarkan.

7. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam memulihara kualiti alam sekitar ke arah pembangunan lestari amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABDUL AZIZ BIN PARMIN)**
b.p. Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

s.k.:

**Pengarah Urusan**
Wiranda (M) Sdn. Bhd.
3374, Jalan 18/3, Taman Sri Serdang
**43300 Seri Kembangan**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Pengarah**
Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
**30020 IPOH**
**PERAK DARUL RIDZUAN**